

Kebolehjangkitan COVID-19 di Pahang menurun

Oleh [Shahrinnahar Latib](#) - Jun 1, 2021 @ 1:36pm
bhnews@nstp.com.my



Tanah Perkuburan Islam Setali khas untuk pengebumian jenazah yang maut akibat COVID-19, di Kuantan. - Foto NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG

KUANTAN: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) di beberapa kawasan di negeri, mula menunjukkan hasil apabila kadar kebolehjangkitan atau R-naught (Rt) COVID-19 menurun kepada 1.17 hari ini.

Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak, berkata kes COVID-19 di Kuantan juga semakin menurun, berbanding sebelum pelaksanaan PKPD.

"Pagi tadi saya ada melihat bacaan R-naught untuk Pahang, iaitu pada kadar 1.17 dan ini bukan paling tinggi di Malaysia kerana sebelum ini, kita pernah mencatatkan nilai Rt 1.26 iaitu tertinggi di Malaysia.

"Ini jelas membuktikan PKPD yang kita laksanakan menunjukkan kemajuan yang banyak. Namun, apa yang lebih penting ialah kerjasama semua lapisan masyarakat," katanya ketika ditemui selepas meninjau pemberian sarapan kepada kepada golongan rentan dan gelandangan, di sini hari ini.



Sallehuddin meninjau pemberian sarapan kepada kepada golongan rentan dan gelandangan di Jalan Wong Ah Jang, Kuantan, hari ini. - Gambar NSTP/SHAHRIINNAHAR LATIB

Turut hadir, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuantan, Datuk Hamdan Hussin dan Setiausaha majlis, Datuk Hamiza Hamzah.

Dalam pada itu, beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pahang meminta rakyat di daerah ini terus bersabar dalam masa beberapa hari lagi dengan terus menjaga SOP.

"Saya juga ingin menyeru kepada semua rakyat di negeri ini untuk mendaftar, bagi menerima vaksin COVID-19 dengan segera. Masyarakat gelandangan di sini pun sudah hampir 90 peratus mendaftar. Jadi, orang lain perlu rasa tercabar," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kerajaan Pahang mencari inisiatif untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan gelandangan dalam memastikan mereka dapat menjalani kehidupan baharu.